

# MUSUH PENANAM PISANG

Penyakit layu fusarium serang batang melalui sistem akar pokok

## AGRO

**Pokok** pisang antara tanaman kontan yang mudah tumbuh di Malaysia. Buahnya pula boleh dimakan begitu sahaja setiap hari atau diolah menjadi makanan yang diminati segenap lapisan masyarakat.

Semua bahagian pada pokok pisang juga dapat dimanfaatkan dari buah, daun, pelepah hingga tunasnya.

Penanaman pisang menjadi pilihan kebanyakan petani kerana permintaan pasaran tinggi selain pulangan atau harganya lebih stabil berbanding tanaman lain.

Namun, ramai petani melihat tanaman ini berisiko tinggi kerana dikatakan mengambil tempoh yang panjang, kira-kira 10 bulan sebelum dituai.

Ini sekali gus mengundang pelbagai permasalahan seperti serangan penyakit dan haiwan perosak yang boleh menjejaskan pulangan hasil dan buntu memikirkan tanaman mereka semakin rosak apabila diserang penyakit yang belum dapat dikenal pasti.

Pakar Patalogi Tumbuhan Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Wong Mui Yun berkata, petani yang ingin mengusahakan ladang pisang perlu memiliki ilmu.

Katanya, ini bagi membolehkan mereka memperoleh hasil yang bermutu dan mengurangkan kerugian akibat penyakit yang memusnahkan pokok pisang iaitu 'layu fusarium'.

Penyakit layu fusarium menyerang batang pokok pisang melalui sistem akar pokok ke dalam batang pokok dan memusnahkan tanaman itu. Hanya bahagian tengah batang sahaja yang kelihatan masih normal.

Dr Wong berkata, buat masa ini masih tiada penyelesaian berkesan untuk mengawal penyakit layu fusarium.

Ini kerana penyakit itu memberi impak paling besar terhadap penanaman pisang dalam negara atas



**PENANAMAN** pokok pisang perlukan perhatian.

sebab kadar sebarannya amat cepat dan meluas melalui pelbagai media.

Namun terdapat beberapa langkah yang boleh diambil untuk mengelakkan pokok pisang menghidap penyakit ini.

"Langkah pertama adalah pemilihan tanah yang subur dan mengandungi bahan organik. Pastikan lokasi mempunyai sistem pengairan yang baik.

"Seelok-eloknya bagi petani yang ingin menanam pisang pada skala besar, hantarlah contoh tanah ke makmal untuk dianalisis sifat fizikal dan kimia tanah bertujuan mengetahui ciri tanah, kesuburan dan pemuliharaan tanah terbabit.

"Perkhidmatan ini boleh dilakukan di Institut Kajian Perladangan (IKP) UPM untuk menganalisis

kandungan unsur nutrien dalam sampel tanah bagi mengetahui sejarah layu fusarium pada tanah terbabit," katanya.

Kedua, kata Dr Wong adalah mengelak penanaman pisang di tanah yang sudah mempunyai sejarah jangkitan penyakit ini sebelumnya kerana layu fusarium mungkin dapat hidup dalam masa panjang sehingga 30 tahun di dalam tanah.

"Langkah ketiga adalah mengurangkan penggunaan racun kimia kerana ia akan mematikan mikroorganisma yang bermanfaat kepada tanah yang dapat membantu menjaga kesihatan tanah dan komuniti mikroorganisma tanah yang baik.

"Keempat, penjagaan buah daripada kecederaan dapat meningkatkan nilai buah selepas dituai. Tunggu dan rawatlah pokok pisang berbuah bagi memastikan hasil yang lumayan.

"Akhir sekali, tumbesaran pokok pisang juga hendaklah dipantau selalu supaya pokok tumbuh subur sebagai satu kaedah mengurangkan penyakit. Tanah yang sihat akan menjadikan tanaman lebih sihat," katanya.



**Seelok-eloknya bagi petani yang ingin menanam pisang pada skala besar, hantarlah contoh tanah ke makmal untuk dianalisis**

**DR WONG**



**DR Wong menunjukkan sampel penyakit layu fusarium menyerang batang pokok pisang melalui sistem akar pokok.**